



Pendidikan

ERTeam pusat kecemerlangan kepemimpinan bertaraf global

2012/03/05 - 08:38:02 AM [Oleh Mohd Azrone Sarabatin](#) [Cetak](#) [Emel Kawan](#)

[Tweet](#)

Mampu mengurus risiko berkaitan kecemasan, keselamatan

PENUBUHAN Pasukan Respon Keselamatan (ERTeam) Institut Aminuddin Baki (IAB) menjadi pelengkap pengurusan strategik institusi itu untuk muncul sebagai pusat kecemerlangan kepemimpinan pendidikan bertaraf global.

Pengaruhnya, Dr Amin Senin, berkata kewujudan bertujuan merealisasikan wawasan institusi berkenaan sebagai organisasi yang berupaya melaksanakan tindakan pengurusan risiko berkaitan kecemasan dan keselamatan.

Beliau berkata, pasukan itu juga mampu menjangka, merancang, mengawal, bertindak dan menilai setiap kemungkinan risiko daripada kecemasan dan keselamatan yang boleh menjelaskan pengurusan, produk dan perkhidmatan.

Katanya, penubuhan pasukan itu juga berdasarkan keperluan dalam `Star Rating: Kriteria Pengurusan Organisasi; Subkriteria 1.6: Pengurusan Risiko disarankan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

“Untuk memantapkan peranan ERTeam, IAB bercadang melawat sekolah dalam kawasan dilanda risiko seperti banjir besar di Thailand, untuk mempelajari kaedah digunakan pihak berkuasa di sana ketika menghadapi bencana alam,” katanya.

Amin berkata demikian ketika berucap pada majlis Hari Kualiti IAB 2012 di IAB, Genting Highlands, Pahang, baru-baru ini.

Hari Kualiti bertema ‘Mengungguli Modal Insan: Mencerna Kreativiti, Mencetus Inovasi’ itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan), Sufa’at Tumin.

Beliau berkata, ERTeam adalah antara lima agenda penting dilancarkan sempena Hari Kualiti IAB 2012, baru-baru ini.

Pelancaran itu katanya, mencatat sejarah kerana buat julung kalinya lima program dilancarkan dalam satu masa meliputi Portal Sistem Pengurusan Kualiti (SP-Q), Pelan Induk Pengurusan Risiko (PIR) 2012-2016, Manual Amalan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amalkan) dan Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2008.

Katanya, Manual Amalan 5S adalah satu dokumen penting menjadi panduan pelaksanaan dan pengauditan dalaman 5S IAB berdasarkan Arahan Pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Awam Bil 1/2010.

Manakala Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2008 pula kata Amin, adalah sistem pengurusan digunakan untuk mengemaskini dan menyemak dokumen yang memerlukan kawalan.